

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
CINEMOVE UNISINEMA: SUARA TANPA BATAS
UiTM KAMPUS PUNCAK PERDANA 2025**

**18 JANUARI 2025 | SABTU | 8.00 MALAM
PERKARANGAN J1 DAN J2 KOLEJ JASMINE
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK PERDANA**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Encik Alif Asyraf Mohd Amin

Pentadbir Persatuan Pemulihan Orang Cacat
Selangor

YBrs. Puan Salvina Alwee

Pengarah Pemasaran Astro Shaw

YBrs. Dr. Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin

Ketua Pengajian Seni Liberal

YBrs. Dr. Hazlin Anita Zainal Abidin

Koordinator Bidang Pengurusan Seni Kreatif

YBrs. Encik Azlan Syah Rashid

Penasihat Projek Cinemovie Unisinema: Suara
Tanpa Batas

Yang Diraikan Anak-anak Istimewa dari Persatuan
Pemulihan Orang Cacat Selangor (Rumah Insaniah)

Barisan Artis Jemputan dan Pihak Media

Barisan Pensyarah

Barisan Staf Residen Kolej Jasmine

Tuan-tuan, puan-puan para hadirin, dan seterusnya
mahasiswa mahasiswi yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita diberikan kesihatan dan kesempatan untuk berkumpul pada malam ini bagi menjayakan **Karnival CASA “Cinemove Unisinema: Suara Tanpa Batas 2025”**.
2. Saya amat berbesar hati atas jemputan untuk bersama-sama menjayakan program pada malam ini.
3. Pertama sekali, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada para pelajar **Sarjana Muda Pengurusan Industri**

Kreatif Produksi Filem dan para pensyarah atas penganjuran program yang begitu bermakna ini.

4. Saya melihat inisiatif ini bukan sahaja mencerminkan semangat juang serta komitmen anda semua dalam mengangkat industri kreatif, malah ia adalah bukti bahawa bakat-bakat baharu dalam arena perfileman sentiasa subur dan berkembang di institusi kita – Tahniah.
5. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kelancaran program ini, terutamanya kepada pihak pentadbiran universiti, tenaga pengajar, dan tentunya para peserta yang telah memberikan sokongan.

Hadirin yang dihormati,

6. Saya dimaklumkan, Karnival CASA yang berlangsung selama dua hari ini bertujuan untuk menonjolkan bakat-bakat warga OKU yang unik dalam keterbatasan mereka.
7. Saya yakin inisiatif murni ini dapat merapatkan jurang dan menzahirkan keprihatinan terhadap golongan OKU, selain menjadi medan untuk kita menyaksikan kreativiti dalam pelbagai bentuk.
8. Sepanjang penganjuran karnival ini, saya percaya pelbagai aktiviti yang telah diadakan bukan sahaja mencungkil bakat, malah memupuk semangat kerjasama, inovasi, dan daya fikir yang kritis dalam kalangan pelajar.
9. Karnival seperti ini wajar diteruskan pada masa hadapan sebagai salah satu usaha kita

menyuburkan budaya kreatif dan inklusif di universiti ini.

10. Pada kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada semua yang hadir agar kita terus memberi sokongan kepada inisiatif-inisiatif seperti ini.

11. Ini kerana UiTM bukan sekadar tempat menimba ilmu, tetapi juga ruang untuk kita mendidik jiwa, menyemai empati, dan melahirkan generasi yang lebih prihatin terhadap masyarakat sekeliling.

12. Akhir kata, ayuhlah kita sama-sama jadikan UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana ini sebagai hab seni dan budaya yang melahirkan pemikir, pencipta, dan pemimpin masa depan.

Seni kreatif beri harapan,
Melakar seni mencanting angan,
Ciptalah dunia tanpa halangan,
Samalah maju menggapai impian.

13. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan **Karnival CASA “Cinemove Unisinema: Suara Tanpa Batas 2025”**.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**